

MALAYSIA


Senario Sosial Kontemporari

EDITOR

RoZIAH Omar, PhD

Azlinda Azman, PhD

Sivamurugan Pandian, PhD



edu·360
training | consultancy | research



MALAYSIA

Senario Sosial Kontemporari

Editor

RoZIAH Omar, PhD
AZLinda Azman, PhD
Sivamurugan Pandian, PhD



Penerbit Universiti Putra Malaysia
Serdang • 2019

Kandungan

Prakata		ix
BAB 1	Pengenalan	1
BAB 2	Prihatin Rakyat: Di manakah Kita? <i>Roziyah Omar, Azlinda Azman dan Sivamurugan Pandian</i>	10
BAB 3	Institusi Keluarga Malaysia Alaf ke-21 <i>Khadijah Alavi</i>	20
BAB 4	Pendekatan Bersepadu dalam Pendidikan <i>Hayati Ismail</i>	45
BAB 5	Pendidikan Abad ke-21 (Pak21) untuk Kesejahteraan Masyarakat Malaysia <i>Mohaida Mohin</i>	65
BAB 6	Kemiskinan dan Isu Gelandangan di Bandar <i>Mohd Taib Hj. Dora, Fazurah Mustaffa dan Farrah Wahidah Mustafar</i>	79
BAB 7	Kapasiti Daya Tindak Golongan Gelandangan dalam Memenuhi Keperluan Kehidupan di Pulau Pinang <i>Syazwani Drani</i>	110
BAB 8	Jangkaan Pesalah Juvana Prabebas Mengenai Cabaran dan Faktor Berisiko yang Menyukarkan Pengintegrasian Semula ke dalam Sistem Sosial dan Meningkatkan Risiko Kesalahan Berulang <i>Intan Nooraini Haji Zainol</i>	125

Pendidikan Abad ke-21 (PAK21) untuk Kesejahteraan Masyarakat Malaysia

Mohaida Mohin

PENGENALAN

Bagi sesebuah negara, pendidikan adalah kepentingan awam dan merupakan nadi pembangunan sesuatu bangsa dan negara kerana ia memainkan peranan yang penting untuk pembangunan dan kesejahteraan masyarakat.

“Malaysia mempunyai salah satu sistem pendidikan yang terbaik di Dunia Ketiga. Namun sebagai bekal kita harungi perjalanan pada generasi yang kedua ini, piawaian yang baru hendaklah ditetapkan dan matlamat baru hendaklah dicapai”. (YAB Perdana Menteri, 1991)¹

Kata-kata yang dipetik dari YAB Datuk Seri Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, dalam tahun 1991, masih di anggap relevan walaupun kita berada di era alaf ke 21 kerana kita seharusnya menetap piawaian baru untuk alaf ini. Ini adalah kerana pendidikan negara yang berkualiti serta cemerlang adalah satu faktor yang membolehkan sesebuah negara melahirkan generasi alaf baru yang cemerlang dan terbilang. Dalam menuju ke arah pendidikan bertaraf dunia, Malaysia perlu membawa suatu perubahan yang akan memberi kesan kepada dunia pendidikan. Jika sistem pendidikan negara tidak sejajar dengan perubahan pantas ekonomi, budaya dan politik sesebuah negara, maka ia akan menyebabkan negara kita Malaysia ketinggalan serta terpinggir dan tersingkir dari dunia luar. Dalam erti kata lain, tanpa sistem pendidikan

¹ Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dalam ucapan menyambut perayaan Hari Kebangsaan Malaysia ke-40

komprehensif dan mantap sejajar dengan perkembangan era baharu, sesuatu bangsa atau negara boleh dianggap sebagai gagal dalam melaksanakan tanggungjawab kepada rakyatnya. Transformasi dalam pendidikan perlu dilaksanakan supaya rakyat Malaysia menjadi lebih sejahtera dan boleh bersaing pada peringkat antarabangsa.

Pendidikan di Malaysia telah mengalami transformasi ke arah gaya pendidikan abad ke-21 (PAK 21) yang lebih menekankan kepada pengajaran berpusatkan pelajar serta penggunaan teknologi atau ICT. Maka dalam menghadapi alaf baharu, kerajaan baru Malaysia yang menyedari serta prihatin tentang pentingnya pendidikan untuk kesejahteraan rakyat dan agar dapat melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi untuk masa depan, maka sejumlah peruntukan yang amat besar telah diberikan kepada sektor pendidikan berbanding sektor lain dalam pembentangan belanjawan pada Oktober 2018. Menurut Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, Kementerian Pendidikan menerima peruntukan terbesar dalam Belanjawan 2019 membabitkan RM60.2 bilion atau 19.1 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan kerajaan bagi 2019, selaras dengan dasar kerajaan menghasilkan suasana pendidikan yang lebih berkualiti pada semua peringkat². Ini adalah kerana pendidikan negara memerlukan sistem yang dapat meningkatkan keupayaan serta kemampuan amalannya kearah tahap kualiti yang cemerlang bagi menangani cabaran-cabaran abad ke-21. Sudah tentunya abad ke-21 membawa masyarakat dunia ke satu lagi fasa penganjakan paradigma kehidupan. Dalam erti kata lain, dalam menghadapi gelombang perubahan alaf baru, sistem pendidikan dan persekolahan mesti berfungsi pada landasannya untuk menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara.

Oleh kerana pendidikan serta persekolahan memainkan peranan utama bagi perkembangan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berlaku dalam kelas di sekolah mahupun di institusi tinggi merupakan petunjuk utama yang dapat mengukur dengan tepat kemajuan masa hadapan sesebuah negara. Untuk memperkasakan sistem pendidikan Malaysia serta meningkatkan status pendidikan negara selaras dan sejajar dengan perkembangan yang berlaku di negara lain serta dapat menjadi penanda aras di peringkat antarabangsa, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah

² BH Online, 2 November 2018

dilancarkan pada 6 September 2013. Menurut PPPM, dalam menghadapi persaingan ekonomi global pada masa kini, kejayaan sesebuah negara amat bergantung kepada ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang dimiliki oleh rakyatnya.³ Selain daripada PPPM, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP, 2006-2010)⁴ telah dilancarkan dengan tujuan untuk meningkatkan mutu dan kualiti pendidikan Malaysia agar dapat melahirkan sumber modal insan yang berdaya saing dan mempunyai nilai pasaran yang tinggi disamping berjaya menghadapi cabaran abad ke-21. Ini adalah kerana kejayaan sesebuah negara bergantung kepada ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi rakyatnya. Rakyat yang berpendidikan tinggi serta mempunyai ciri-ciri berdaya saing yang tinggi hasil dari sistem pendidikan yang berkualiti menjadi faktor yang menjurus sesebuah negara mempunyai ekonomi yang cemerlang. Oleh yang demikian, sektor pendidikan merupakan salah satu bidang yang paling penting dalam memainkan peranan ke arah melahirkan generasi yang dapat mendukung dan mentadbir negara dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani yang stabil. Falsafah Pendidikan Negara telah menekankan asas kepada titik permulaan dalam proses melahirkan generasi yang hebat dan cemerlang seharusnya bermula dari sekolah.

Oleh yang demikian, untuk merealisasikan hasrat murni dalam membangunkan serta menyediakan modal insan yang bersifat holistik, kesemua ahli dalam organisasi sekolah merupakan sumber tenaga yang amat penting. Semestinya salah satu sumber penting dalam organisasi sekolah mahupun institusi pengajian tinggi, peranan tenaga pengajar adalah paling utama. Salah satu sebab pentingnya tenaga pengajar terutama di sekolah adalah kerana keberkesanan sesebuah sekolah itu amat bergantung kepada guru. Ini adalah kerana sikap guru ini adalah penentu kepada keberkesanan pelaksanaan serta kejayaan sesuatu program

³ Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025, (2013), Kementerian Pendidikan Malaysia

⁴ Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 http://planipolis.iiep.unesco.org/sites/planipolis/files/ressources/malaysia_pipp_2006-2010_malaysian.pdf

di sekolah masing-masing^{5,6,7,8}. Ini termasuk pergantungan murid sekolah terhadap pengetahuan dan kemahiran guru mereka. Maka, dalam abad ke-21 ini, seseorang guru atau pendidik perlu mengikuti perkembangan tentang dasar dan isu pendidikan, mahir dalam pedagogi (pengajaran dan pembelajaran), menggunakan teknologi terkini dan menerapkan nilai-nilai murni bagi tujuan pembentukan akhlak dan sahsiah yang baik. Ini adalah penting demi mencapai hasrat negara untuk membangunkan generasi yang mempunyai kemahiran abad ke-21. Sejajar dengan arus transformasi pendidikan dimana salah satu komponen yang ditekankan ialah penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) dalam kelas dan tidak lagi penggunaan konvensional seperti kapur dan papan hitam serta syarahan semata-mata dari guru ("*chalk and talk*"). Kaedah pengajaran yang dikenal pasti sebagai yang memenuhi ciri-ciri pembelajaran abad ke-21 (PAK 21) termasuk kolaboratif, pembelajaran berasaskan projek (*project-based learning*), pembelajaran berasaskan masalah (*problem-based learning*), pembelajaran koperatif (*cooperative learning*), pembelajaran berasaskan modul (*module-based learning*) dan inkuiri penemuan (*inquiry discovery learning*). Penggunaan kaedah ini dikatakan membantu komunikasi dan interaksi antara guru dan pelajar dan interaksi antara pelajar sesama pelajar. Kaedah ini akan membantu para pelajar membina dan meneroka pengetahuan yang diperolehi. Bagi merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan generasi yang berketrampilan serta mempunyai nilai-nilai murni, maka para pendidik perlu mahir dan dalam pedagogi abad ke-21. Peranan guru atau pendidik di dalam proses PdP adalah seharusnya sebagai fasilitator dan pembelajaran adalah berpusatkan murid (*student-centred learning*). Selain daripada ini, para pendidik atau guru-guru perlu menjadi lebih

⁵ Hussein Ahmad, (2007). *Towards World Class Leadership Model of Principals for School in The Future*. Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan Ke-14, Institut Aminuddin Baki, 25-27 Jun.

⁶ Hussein Mahmood, (2008). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁷ Mazlan, A. (2000). *Hubungan Iklim Organisasi Sekolah Dengan Kepuasan Kerja Guru Yang Mengajar Kanak-Kanak Istimewa di Hulu Langat*. (Projek Master Sains yang tidak diterbitkan). Serdang: UPM.

⁸ Zaidatul Aklamiah, L. P. (2007). *Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Satu Langkah Ke Hadapan*. Penerbit: Universiti Putra Malaysia.

kreatif serta kritis dalam pedagogi semasa mengajar dalam kelas abad ke-21 ini. Maka, bagi membolehkan guru berkongsi pengalaman pengajaran menggunakan pendekatan berasaskan PAK21 dalam kelas masing-masing, Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik telah melancarkan Kempen Guru Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) yang bermula dari 22 Disember 2018 hingga 31 Januari 2019⁹.

Penggunaan Teknologi dalam PAK 21

Bagi menghadapi cabaran globalisasi, rakyat Malaysia bermula dari pelajar sekolah, perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran asas dalam bidang pendidikan. Kemahiran asas ini termasuk kebolehan dalam berkomunikasi, menguasai pelbagai bahasa, berfikiran kritis dan berinovatif. Kesediaan seseorang guru di abad 21 ini sangat penting bagi pelajar dalam melaksanakan PAK21 kerana pelajar ini adalah generasi yang akan memacu negara kita untuk menjadi negara maju dan makmur pada masa akan datang. Kementerian Pendidikan Malaysia percaya bahawa penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan kriteria asas bagi menjadikan Malaysia negara maju yang mampu berdaya saing menjelang 2020¹⁰. Setiap guru berperanan dalam usaha melahirkan modal insan kelas pertama yang berprestasi tinggi seiring negara maju dengan melaksanakan dasar pendidikan negara dengan berkesan. Menyedari betapa pentingnya penggunaan teknologi dalam PdP, maka anjakan ke tujuh dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) memberi penekanan dalam penggunaan teknologi/ICT dalam kalangan guru dan pelajar bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. Penggunaan teknologi atau ICT seharusnya dimaksimumkan oleh tenaga pengajar dalam proses pembelajaran dan pemudah cara (PdPc) yang lebih berkualiti. Ini adalah kerana PdPc yang efektif akan meningkatkan minat serta motivasi pelajar untuk mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat.

Kajian Zamri pada tahun 2012, menunjukkan bahawa bentuk PdPc pada abad ke-21 masih tetap berpusatkan guru, dan guru memainkan peranan penting untuk melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti pembelajaran

⁹ Sinar Harian, 23 Disember 2018.

¹⁰ Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025, (2013), Kementerian Pendidikan Malaysia, Op.Cit, 3.

di dalam kelas masing-masing¹¹. Dapatan kajian oleh Mohaida Mohin tentang penggunaan komputer dalam meningkatkan mutu bacaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar mendapati pelajar tetap memerlukan guru dalam PdPc¹². PdPc menerusi kemahiran abad ke-21 sangat membantu guru dan pelajar dalam usaha mencapai aspirasi pendidikan negara.

Isu dalam Melaksanakan PAK 21 Melalui Penggunaan ICT

Terdapat beberapa dapatan kajian yang mendapati bahawa ramai guru yang mengalami masalah dalam penggunaan aktiviti berbantuan teknologi dalam proses PdP di bilik darjah¹³. Penggunaan ICT dalam PAK 21 mungkin dilihat sebagai satu cabaran oleh sesetengah guru. Namun, sebagai penerima inovasi ini, guru-guru harus mempunyai anjakan paradigma dan bersedia untuk melaksanakan PdP atau PdPc secara maya melalui penggunaan ICT yang telah berkembang dengan pesatnya. Kajian Yusop Hashim pada tahun 2001 menunjukkan ramai guru masih menggemari amalan tradisi yang berpaksikan "chalk and talk"¹⁴. Penggunaan kaedah tradisional seperti ini tidak lagi bersesuaian bagi pelajar terutamanya generasi Z yang lahir dalam era teknologi informasi atau ICT. Peranan guru masa kini bertukar kepada seorang pengurus, jurulatih dan fasilitator daripada penyalur maklumat¹⁵. Penggunaan teknologi atau ICT terutama dalam bidang pendidikan sentiasa membawa kepada perubahan ketara sesebuah negara seperti Malaysia. Dalam usaha untuk membuka minda dan perspektif murid kepada dunia luar yang sungguh mencabar, seseorang tidak boleh menafikan kepentingan komponen teknologi atau ICT dalam PAK 21. Lechner dan Boli (2009), berpendapat ICT menjadi alat pemangkin utama untuk menyebarkan serta

¹¹ Zamri Mahamod. 2012. Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

¹² Mohaida Mohin. 2006. *Enhancing Reading Skills among ESL learners using C.A.R.E. program at the International Islamic University Malaysia*. Unpublished PhD thesis. Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹³ Johari Hassan, & Fazliana Rashid. (2011). Penggunaan ICT dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran di kalangan pendidik Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 4, 22-37.

¹⁴ Yusop Hashim. (2001). *Reka Bentuk Dan System Instruksi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.

¹⁵ Zarina Mustafa. (2010). Teachers' Levels of Use in the Adoption of Task-Based Language Teaching in Malaysian Classrooms. *The International Journal of Interdisciplinary Social Sciences*, 5(3), 127-137.

menyimpan maklumat yang akan membantu murid membina pengetahuan baharu dalam semua bidang¹⁶. Walau bagaimanapun pada tahun 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia mendedahkan penggunaan ICT dalam kalangan guru di sekolah agak membimbangkan di mana dapatan kajian menunjukkan komputer diguna sebagai alat pengajaran melalui *word-processing* dan tidak lebih dari itu¹⁷.

Pada masa yang sama, UNESCO juga melaporkan Malaysia menghadapi cabaran dalam mengintegrasikan ICT dalam pendidikan meskipun negara ini merupakan salah sebuah negara perintis di Asia yang cuba menyerap penggunaan ICT dalam pendidikan¹⁸. Ahmad (2014) menekankan walaupun ada usaha dari Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan penggunaan ICT oleh guru di peringkat sekolah, tetapi didapati tahap integrasi ICT tetap tidak memuaskan¹⁹. Bahkan Cheok & Wong (2016), telah menjalankan penyelidikan tentang pengalaman guru sekolah dalam menggunakan FROG VLE dalam pengajaran dan pembelajaran dan didapati tahap penggunaan FROG VLE tidak memuaskan dalam kalangan guru di sekolah²⁰.

Ini diperkukuhkan oleh dapatan kajian yang penggunaan teknologi di kalangan guru dan siswa di sekolah di seluruh Malaysia belum mencapai tingkat yang diinginkan²¹. Oleh yang demikian, satu kajian dijalankan bagi mengenal pasti sikap guru terhadap penggunaan ICT dalam PdP serta tahap integrasi ICT dalam PdP abad ke-21 di sebuah sekolah menengah di Selangor.

¹⁶ Lechner, F. J. & Boli, J. (2000). *The Globalization Reader*. Oxford: Blackwell Publisher.

¹⁷ Kementerian Pendidikan Malaysia, Op.Cit, 3.

¹⁸ UNESCO (2013), Malaysia: Education Policy Review: Abridged Report, <http://unesdoc.unesco.org>.

¹⁹ Ahmad, T.B.T (2014) Between School Factors and Teacher factors: What Inhibits Malaysia Science Teachers from Using ICT? *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 2(1), 1-10.

²⁰ Cheok, M.L., & Wong, S.L. (2016). Frog Virtual Learning Environment for Malaysian Schools: Exploring Teachers' Experience. *ICT in Education in Global Context Lecture Notes in Educational Technology*, 201-209.

²¹ Fong, S.F, Gerard, B.K, Azidah, A.Z & Mohd, H.A (2016), Establishing ICT Competency Standard for Malaysian Teachers Using Delphi Technique. *Advance Science Letters*, 22(5-6), 1556-1559.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenal pasti sikap guru di sebuah sekolah menengah di Selangor terhadap penggunaan ICT dalam PdP.

Sikap guru terhadap komputer atau ICT merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada penerimaan guru terhadap penggunaan komputer.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui tinjauan borang selidik yang diedar dalam kalangan responden.

Sampel Kajian

Sampel Kajian Persampelan telah digunakan di mana 18 orang guru sekolah menengah telah dipilih sebagai responden untuk menjawab soal selidik. Mereka dipilih berdasarkan lingkungan umur, latar belakang pendidikan, pengalaman mengajar, dan pengalaman menggunakan komputer dalam PdP. Daripada sampel ini, lapan orang responden mengajar murid-murid Tingkatan Tiga, Empat dan Lima sementara lagi lapan orang mengajar murid-murid Tingkatan Satu dan Dua.

Instrumen Kajian

Instrumen berbentuk soal selidik telah digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Penggunaan soal selidik dapat membantu dalam mengumpul data secara terperinci, tersusun dan piawai. Dalam pada itu, ia juga mudah ditadbir serta ia menjimatkan masa, minda dan kos pengkaji²². Borang soal selidik yang mengandungi lima bahagian diadaptasi daripada Papanastasiou dan Angeli²³ dan daripada

²² Khalid Johari, (2003), *Penyelidikan dan Pendidikan: Konsep dan Prosedur*. Selangor: Prentice Hal.

²³ Papanastasiou, E. C., & Angeli, C. (2008). Evaluating the Use of ICT in Education: Psychometric Properties of the Survey of Factors Affecting Teachers Teaching with Technology (SFA-T3). *Educational Technology & Society* 11(1), 69-86.

kajian terdahulu iaitu kajian Fairose²⁴. Beberapa item dalam soal selidik telah diubah suai selepas kajian rintis dijalankan. Kajian rintis ini telah dijalankan bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan item dalam soal selidik.

Dapatan dan Perbincangan

Sikap Guru Terhadap Penggunaan ICT

Soal selidik untuk mengenal pasti sikap guru terhadap penggunaan ICT ini mengandungi 11 item yang berkaitan dengan sikap responden terhadap penggunaan ICT dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) dalam kelas. Dapatan tentang sikap terhadap penggunaan ICT dapat dijelaskan dalam Jadual 1. Berdasarkan analisis data ini, didapati sikap guru positif terhadap penggunaan ICT dalam PdP mereka di sekolah menengah ini. Walau bagaimanapun ada segelintir guru menunjukkan sikap sederhana terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran dalam abad 21 ini.

Jadual 1 Peratusan sikap guru terhadap penggunaan ICT

Item	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran membuat saya teruja.	15%	78%	7%	0
Komputer adalah alat bantu mengajar yang berharga bagi para guru.	25%	70%	5%	0
Komputer adalah alat bantu mengajar yang lebih efektif untuk digunakan dalam kalangan pelajar.	28%	64%	7%	1%
Saya merasa selesa menggunakan ICT sebagai alat bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran.	21%	21%	57%	1%
Mengajar dengan menggunakan ICT amat menyeronokkan.	17%	25%	57%	1%

²⁴ Fairose Shamsudin. 2006. *Sikap guru-guru Bahasa Melayu terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pengajaran*. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan, Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Penggunaan ICT akan mengubah cara saya mengajar.	28%	64%	7%	1%
Penggunaan komputer akan mengubah cara pelajar saya belajar.	28 %	57%	7%	0
Saya yakin penggunaan ICT dapat meningkatkan pencapaian akademik murid.	14%	55%	25%	6%
Saya suka mengikuti kursus ICT untuk meningkatkan kemahiran berkomputer.	32%	57%	10%	1%
Saya menyokong penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran.	27%	55 %	14%	4%
Saya menjadi lebih bermotivasi semasa mengajar dengan menggunakan ICT.	14%	66%	17%	3%

Jadual 1 juga menunjukkan sebahagian besar guru (78%) rasa teruja serta sangat teruja (15%) bila mereka mengguna ICT. 70% dari guru yang setuju dan 25% dari mereka yang sangat setuju bahawa komputer adalah alat bantu mengajar yang berharga dalam pembelajaran dan pengajaran bagi seseorang guru. Selain daripada menjadi alat bantu mengajar yang berharga, responden juga sangat setuju (28%) dan setuju (64%) komputer adalah alat bantu mengajar yang efektif untuk digunakan ketika pembelajaran dan pengajaran dalam kalangan pelajar. 64% daripada responden setuju dan 28% daripada responden sangat setuju dengan kenyataan bahawa kegunaan ICT membantu guru mengubah cara mereka mengajar dan lebih daripada separuh (85%) daripada responden percaya bahawa penggunaan komputer juga membantu mengubah cara pembelajaran pelajar. Analisis ini menunjukkan sikap positif yang tinggi dalam kalangan guru tentang penggunaan ICT dimana ICT dianggap sangat membantu dalam PdP mereka. Walaupun, 82% daripada responden menyokong penggunaan ICT dalam proses PdP di dalam kelas, namun lebih separuh (57%) daripada responden tidak setuju dengan kenyataan bahawa penggunaan ICT adalah menyeronokkan bagi mereka. Tambahan pula, 58% responden yang merasa tidak selesa dengan penggunaan ICT dalam PdP. Ini kemungkinan disebabkan lebih daripada separuh responden yang berumur di antara 46-55 tahun yang kurang minat serta tidak mempunyai asas dalam penggunaan ICT dan mereka lebih menjurus kepada PdP yang lebih tradisional. Walau bagaimanapun, kebanyakan

responden menyambut baik jika diberi kursus untuk meningkatkan kemahiran mereka menggunakan ICT dalam bilik darjah. Ini dapat dilihat dari Jadual 1 di mana, 32% daripada responden sangat setuju dan 57% daripada responden setuju jika mereka mengikuti kursus ICT. Analisis juga menunjukkan 80% daripada responden yang sangat setuju dan setuju tentang kenyataan "Saya menjadi lebih bermotivasi semasa mengajar dengan menggunakan ICT", walaupun ada segelintir (20%) daripada responden yang tidak setuju dengan kenyataan ini.

Dapatan kajian ini menunjukkan lebih daripada separuh responden yang bersikap negatif terhadap penggunaan ICT dalam PdP adalah sejajar dengan hasil beberapa kajian yang mendapati guru yang tidak mempunyai pengalaman serta pengetahuan tentang penggunaan komputer kebiasaannya mempunyai sikap yang negatif dan tahap kebimbangan yang tinggi terhadap komputer^{25,26}. Beberapa dapatan kajian juga mendapati kebanyakan guru yang berpengalaman telah mempunyai *mind-set* tentang kaedah pengajaran yang mereka suka dan rasa selesa^{27,28}. Dapatan kajian tentang item nombor sembilan (9) agak memberangsangkan di mana 89% responden sangat setuju dan setuju untuk mengikuti kursus ICT dengan tujuan meningkatkan kemahiran berkomputer. Dapatan kajian ini sejajar dengan pendapat Ahmad Fuad (2003), bahawa hasrat untuk mencapai penggunaan ICT secara menyeluruh dalam proses PdP memerlukan perubahan dalam kalangan guru di mana salah satu perubahan adalah peluang perlu diberi kepada guru-guru untuk meningkatkan kemahiran yang mencukupi untuk menggunakan peralatan ICT secara cekap dan efektif²⁹.

²⁵ Zulkifli & Raja Maznah. (1994) Attitudes, knowledge and previous computer experience of teacher trainees in the Diploma of Education Programme at the University of Malaya. *Journal of Educational Research*, 16: 1 - 19.

²⁶ Becker, W.E. & Watts, M. 1996. "Chalk and talk: A National Survey on Teaching Undergraduate Economics." *American Economic Review*, 86(2) 448-453.

²⁷ Norin Mustaffa. 2004. Kemahiran, masalah dan Chap penggunaan komputer dalam kalangan guru sekolah bestari negeri Perak. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

²⁸ Padraig Wims & Mark Lawler. 2007. Investing in ICTs in educational in developing countries: An evaluation of their impact in Kenya. *International Journal of Education and Development using Information and Communication Technology (IJEDICT)*, 2007, Vol. 3, Issue 1, pp.5- 22.

²⁹ Ahmad Fuad Othman. 2003. Pendidik dan pendidikan di era digital. Pendekatan dan cabarannya. Wawasan: *Pusat Sumber Pendidikan Negeri Kedah*. Bil. 17, Jun 2003. B1-1.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, hasil kajian mendapati guru di sebuah sekolah menengah di Selangor mempunyai sikap positif yang tinggi terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran walaupun ada segelintir guru yang rasa tidak selesa dengan penggunaan ICT dalam pembelajaran dan pengajaran dalam kelas masing-masing. Sikap sebegini agak membimbangkan kerana bahan-bahan pembelajaran untuk pelbagai subjek lebih mudah diperolehi daripada sumber yang berteraskan ICT.

Bagi segelintir guru yang mempunyai sikap yang tidak mendorong kepada penggunaan ICT ketika menjalankan pengajaran dan pembelajaran mungkin disebabkan oleh faktor umur yang menyebabkan mereka lebih selesa mengajar secara tradisional yang mengamal cara "*chalk and talk*". Justeru, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan pihak sekolah harus berganding bahu untuk menangani masalah ini kerana jika sebarang tindakan dan langkah yang sewajarnya tidak diambil, kemungkinan besar guru ini akan terus dihanyut dan ditinggalkan oleh ilmu ICT, khususnya aspek pengetahuan dan kemahiran penggunaan ICT dalam PdP. Walaupun ada segelintir guru yang arif tentang penggunaan ICT namun dapatan kajian ini juga menunjukkan peratusan tinggi dalam kalangan guru yang merasakan penggunaan ICT mempunyai banyak manfaat dan kebaikan dalam PdP. Seharusnya guru yang kekurangan pengetahuan dan kemahiran tentang ICT ini dipantau dan dikenal pasti dengan kadar segera supaya dapat diberi kursus atau latihan ICT. Dalam masa yang sama, guru ini harus mengambil inisiatif sendiri untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ICT supaya dapat diaplikasikan ke dalam pengajaran. Justeru, pengajaran secara tradisional yang berteraskan "*chalk and talk*" perlu diubah untuk disesuaikan dengan kaedah pengajaran baharu. Penggunaan teknologi atau ICT dalam pendidikan amat penting dalam melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi bagi mencapai kesejahteraan rakyat Malaysia.

RUJUKAN

- Ahmad Fuad Othman. (2003). Pendidik dan pendidikan di era digital: Pendekatan dan cabarannya. *Wawasan: Pusat Sumber Pendidikan Negeri Kedah*. Bil. 17. Jun 2003. Bil.
- Ahmad, T.B.T (2014) Between school factors and teacher factors: What inhibits Malaysia science teachers from using ICT? *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 2(1), 1-10.
- Becker, W.E., & Watts, M. (1996). "Chalk and talk: A national survey on teaching undergraduate economics." *American Economic Review*, 86(2), 448-453.
- BH Online, 2 November 2018.
- Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dalam ucapan menyambut perayaan Hari Kebangsaan Malaysia ke 40.
- Cheok, M.L., & Wong, S.L. (2016). Frog Virtual Learning Environment for Malaysian Schools: Exploring Teachers' Experience. *ICT in Education in Global Context Lecture Notes in Educational Technology*, 201-209.
- Fairose Shamsudin. (2006). *Sikap guru-guru Bahasa Melayu terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pengajaran*. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fong, S.F., Gerard B.K., Azidah A.Z., & Mohd, H.A. (2016). Establishing ICT Competency Standard for Malaysian Teachers Using Delphi Technique. *Advance Science Letters*, 22(5-6), 1556-1559.
- Hussein Ahmad, (2007). *Towards World Class Leadership Model of Principals for School in The Future*. Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan Ke-14, Institut Aminuddin Baki 25-27 Jun.
- Hussein Mahmood. (2008). *Kepimpinan dan keberkesanan sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johari Hassan, & Fazliana Rashid. (2011). Penggunaan ICT dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran di kalangan pendidik Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 4, 22-37.
- Khalid Johari. (2003). *Penyelidikan dan pendidikan: Konsep dan prosedur*. Selangor: Prentice Hall.
- Lechner, F. J., & Boli, J. (2000). *The globalization reader*. Oxford: Blackwell Publisher.
- Mazlan, A. (2000). *Hubungan Iklim Organisasi Sekolah dengan Kepuasan Kerja Guru yang Mengajar Kanak-Kanak Istimewa di Hulu Langat*. (Projek Master Sains yang tidak diterbitkan), Serdang:UPM.

- Mohaida Mohin. (2006). *Enhancing Reading Skills among ESL learners using C.A.R.E. program at the International Islamic University Malaysia*. Unpublished PhD thesis. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norin Mustafa. (2004). Kemahiran, masalah dan Chap penggunaan komputer dalam kalangan guru sekolah bestari negeri Perak. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Padraig Wims & Mark Lawler. (2007). Investing in ICTs in educational in developing countries: An evaluation of their impact in Kenya. *International Journal of Education and Development using Information and Communication Technology (IJEDICT)* 2007, 3(1), 5-22.
- Papanastasiou, E. C., & Angeli, C. (2008). Evaluating the use of ICT in education: Psychometric properties of the survey of factors affecting teachers teaching with technology (SFA-T3). *Educational Technology & Society*, 11(1), 69-86.
- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) http://planipolis.iiep.unesco.org/sites/planipolis/files/ressources/malaysia_pipp_2006-2010_malaysian.pdf.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025, (2013), Kementerian Pendidikan Malaysia.
Sinar Harian, 23 Diember 2018.
- UNESCO (2013). Malaysia: Education Policy Review: Abridged Report, <http://unesdoc.unesco.org>.
- Yusup Hashim. (2001). *Reka bentuk dan sistem instruksi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Zaidatol Aklamiah, L. P. (2007). *Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Satu Langkah ke Hadapan*. Penerbit: Universiti Putra Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2012). Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zarina Mustafa. (2010). Teachers' levels of use in the adoption of task-based language teaching in Malaysian classrooms. *The International Journal of Interdisciplinary Social Sciences*, 5(3), 127-137.

MALAYSIA

Senario Sosial Kontemporari

Buku *Malaysia: Senario Sosial Kontemporari* ini memfokus kepada senario sosial kontemporari demi kelangsungan keprihatinan ke atas isu sosial rakyat yang juga mendukung kesemua aspirasi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2018. Khususnya 'memperkuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat' agar dasar prihatin rakyat yang sinonim dengan Dasar Sosial Negara (DSN) dapat dirangka oleh pihak berwajib untuk memastikan hasil akhir yang membawa maksud kepada usaha merangka dan melaksana sesuatu dasar sosial masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai kumpulan sasar dengan baik, adil dan saksama.

Hasil kepakaran para penyumbang bab dibukukan untuk pelbagai kumpulan pembaca dapat menilai sendiri isu yang dekat dengan kita. Buku ini boleh dijadikan panduan, rujukan, bahan kajian atau penyelidikan berterusan. Malahan, pihak berwajib boleh menjadikannya sebagai asas untuk kelangsungan penambahbaikan dasar atau polisi serta perubahan yang seiring dengan kedudukan 'Malaysia Baharu'.

edu·360

training | consultancy | research

humanising development

Address

Blok B, Wisma Sachdev, 16-2, Jalan Raja Laut 50350
Kuala Lumpur, Malaysia

Contact

+603 2692 3600

+603 2694 3600

inquiry@edu360.my

www.edu360.my



Penerbit Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-9769 8851 / 9769 8429

Fax: 03-9769 3623

Web: <http://penerbit.upm.edu.my>

Email: penerbit@upm.edu.my

ISBN: 978-967-344-932-3



9 789673 449323